

**TAS Offshore Peroleh Kontrak Penjualan Kapal RM13.2 Juta
Bernama
14 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Anak syarikat TAS Offshore Bhd memperoleh kontrak bernilai RM13.2 juta bagi penjualan sebuah kapal yang dijangka diserahkan pada April 2015.

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia pada Jumaat, TAS Offshore berkata kapal itu dijual kepada satu daripada pelanggan asing baharunya.

Kumpulan itu berkata pendapatan dijana daripada kontrak itu dijangka memberi sumbangan positif kepada pendapatan dan aset bersihnya bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mei, 2014 dan 2015.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1021953>